

19/04/1997

3,000 rakyat kunjungi rumah terbuka

ALOR STAR, Jumaat - Seramai kira-kira 3,000 rakyat pelbagai kaum dan agama mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidiladha di Dewan Jitra, Jitra, hari ini.

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyambut tetamu sambil bersalaman dengan mereka.

Turut hadir, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan isteri, Datin Seri Nila Inangda Manyam Keumala, serta Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) serta pegawai kerajaan.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Mahathir terharu kerana majlis itu dikunjungi pelbagai kaum, termasuk yang datang dari negeri lain.

Menurutnya, sambutan perayaan di negara ini berjaya mewujudkan semangat kerjasama dan muhibah di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama, seperti India, Cina dan Kristian.

Terdahulu, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan Sanusi serta isteri menyertai Sultan Kedah dan rakyat bersembahyang sunat Aidiladha, di Masjid Zahir, di sini.

Perdana Menteri kemudian menghadiri jamuan oleh Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Selepas solat Jumaat, Perdana Menteri dan isteri sekali lagi meluangkan masa melayan tetamu di rumah terbuka sebelum mengadakan lawatan singkat di kilang memproses air galian, Eau Claire Mineral Water Sdn Bhd, di Titi Akar, Pendang.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri diberikan taklimat oleh Pengurus Besar syarikat berkenaan, Paul Lim.

Kilang berharga RM12 juta itu mula dibina pada 1995 dan siap sepenuhnya Oktober lalu.

(END)